



KHATAN PEREMPUAN: SELAMAT ATAU TIDAK

KHATAN PEREMPUAN: SELAMAT ATAU TIDAK

2024



This work is licensed under the Creative Commons Attribution-Non-Commercial 4.0 International License. To view a copy of this license, visit:

<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>. Any part of the text of the publication may be photocopied, reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form by any means, or adapted and translated to meet local needs, for non-commercial and non-profit purposes. However, the copyright for images used remains with respective copyright holders. All forms of copies, reproductions, adaptations, and translations through mechanical, electrical, or electronic means should acknowledge ARROW, Sisters in Islam, and MDWC as the source. A copy of the reproduction, adaptation, and/or translation should be sent to ARROW. In cases of commercial usage, ARROW must be contacted for permission at: arrow@arrow.org.my.

RAKAN STRATEGIK

Asia Network to End FGM/C ialah platform untuk Badan Bukan Kerajaan, aktivis dan penyelidik di rantau Asia untuk menghentikan amalan FGM/C. Jaringan ini diasaskan oleh suatu badan feminis serantau yang berpusat di Malaysia, iaitu Asian-Pacific Resource and Research Centre for Women (ARROW), dan Orchid Project, suatu badan bukan kerajaan global yang berusaha untuk menghentikan amalan pemotongan alat kelamin perempuan. Asia Network to End FGM/C berhubung, bekerjasama dan membantu sebanyak 100 penyokong masyarakat sivil di 12 negara Asia untuk menghentikan segala bentuk amalan FGM/C. Ahli-ahli jaringan berusaha memberi kesedaran tentang amalan berbahaya ini pada peringkat nasional, serantau dan global, di samping mengumpul bukti dan data, memudahkan perkongsian maklumat di rantau ini; dan menyarankan undang-undang, dasar dan program untuk menghentikan amalan FGM/C di Asia.

The Malaysian Doctors for Women & Children (MDWC) ialah kumpulan doktor Malaysia yang terlibat dalam wacana akademik dan saintifik mengenai amalan bukan perubatan yang memudaratkan dan memberi kesan kepada perempuan dan kanak-kanak di Malaysia. Fokus utama mereka adalah untuk memberikan kesedaran mengenai

FGM/C dalam kalangan petugas kesihatan profesional di Malaysia. Bagi tujuan tersebut, MDWC telah menganjurkan beberapa webinar untuk doktor dan ahli akademik serta mengadakan forum dengan pertubuhan masyarakat sivil untuk membawa perubahan positif ke arah menghentikan FGM/C di Malaysia. MDWC juga menjalankan kerjasama erat dengan Asia Network to End FGM/C.

Sisters in Islam (SIS) ialah sebuah organisasi masyarakat sivil yang mempunyai keyakinan bahawa Islam memartabatkan kesaksamaan, keadilan, kebebasan dan kemuliaan insani. SIS terdiri daripada wanita dan lelaki Islam yang mengambil pendekatan berasaskan hak dalam Islam dan memberikan fokus kepada hak wanita dalam kerangka Islam serta hak asasi manusia sejagat.

SIS ditubuhkan pada tahun 1987 apabila beberapa orang peguam wanita berkumpul untuk mengkaji permasalahan berkaitan dengan pelaksanaan Undang-Undang Keluarga Islam yang baru digubal pada tahun 1984 dan dikuatkuasakan pada tahun 1987. SIS ditubuhkan oleh peguam, ahli akademik, wartawan, penganalisis, dan aktivis. Ramai wanita ketika itu sanggup berkongsi masalah perkahwinan mereka serta kesukaran yang dihadapi ketika menuntut keadilan undang-undang daripada pihak berkuasa agama.

Asian-Pacific Resource and Research Centre for Women (ARROW) ialah badan bukan kerajaan yang tidak berasaskan keuntungan berstatus perunding di Majlis Ekonomi dan Sosial, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, dan berstatus pemerhati di Konvensyen Rangka Kerja Mengenai Perubahan Iklim (UNFCCC). Beroperasi di Kuala Lumpur, Malaysia, ARROW yang telah ditubuhkan sejak 1993 untuk memperjuangkan hak seksual dan reproduksi wanita dan anak muda telah menjalin kerjasama dengan beberapa pertubuhan wanita, pertubuhan pimpinan belia dan berkhidmat untuk belia serta badan bukan kerajaan yang menuntut kesaksamaan gender, hak seksual dan reproduksi. ARROW mempunyai tujahan strategik di Rantau Asia-Pasifik dan merupakan organisasi yang berpusat di Selatan Global dan berfokuskan kesaksamaan gender, hak kesihatan dan asasi Wanita.

PASUKAN PENERBITAN

Penulis: Ameena Siddiqi, Aleza Othman, Syarifatul Adibah (Sisters in Islam) dan Dr Hannah Nazri (MDWC)

Penyelia dan Penyelaras Keseluruhan: Keshia Mahmood

Rekabentuk Grafik: Nicolette Mallari

Cadangan untuk rujukan: Asia Network to End FGM/C, Malaysian Doctors for Women and Children, and Sisters in Islam (2024) Khatan Perempuan: Selamat Atau Tidak. Available via/ Boleh dimuatturun dari <https://endfgmcasia.org>.

KANDUNGAN

- 4 **PENGENALAN**
- 5 **APAKAH ITU *FEMALE GENITAL MUTILATION/CUTTING*?**
- 5 – Rajah 1: Klasifikasi WHO Tatacara Amalan FGM/C
- 6 **REALITI KHATAN PEREMPUAN DI MALAYSIA**
- 6 – Rajah 2: Alasan Mengapa Khatan Perempuan Dilakukan
- 7 – Jadi...Apa Kata Orang Ramai Mengenai Khatan Perempuan?
- 7 – Rajah 3: Jawapan yang Diberikan Oleh Responden Mengenai 'Kebersihan'
- 7 – Rajah 4: Jawapan yang Diberikan Oleh Responden Mengenai 'Adat dan Tradisi'
- 8 **KHATAN PEREMPUAN: BUDAYA ATAU AGAMA?**
- 9 – Jadual 1: Fatwa Mengenai Khatan Perempuan Mengikut Negeri di Malaysia
- 10 **MEDIKALISASI FGM/C DI ASIA**
- 12 **FGM/C IALAH PELANGGARAN HAK ASASI MANUSIA**
- 13 **USAHA-USAHA UNTUK MENGHAPUSKAN FGM/C BUKAN AGENDA BARAT**
- 14 **KESIMPULAN**
- 15 **RUJUKAN**

PENGENALAN

Tujuan kit ini adalah untuk memberikan maklumat tepat tentang amalan khatan perempuan dan memberikan kesedaran kepada orang ramai tentang makna amalan khatan perempuan di Malaysia. Kit ini dikeluarkan dalam Bahasa Melayu agar mudah difahami oleh orang Melayu, di samping menjadi sebahagian bukti yang semakin banyak menyokong penghentian amalan FGM/C di Malaysia dan Asia.

Pemotongan/Pelukaan Alat Kelamin Perempuan (FGM/C) melibatkan prosedur tanpa tujuan perubatan dengan memotong sebahagian atau semua bahagian luar alat kelamin perempuan, atau menyebabkan kecederaan pada organ kemaluan perempuan. Untuk tujuan kit ini, kami menggunakan istilah “khatan perempuan” bagi amalan tempatan iaitu FGM/C Jenis 1 dan 4 menurut definisi Pertubuhan Kesihatan Sedunia.


Majoriti fatwa di Malaysia mewajibkan khatan perempuan walaupun amalan ini tidak disebut dalam Al-Quran, tetapi ada beberapa fatwa dan pendapat ulama yang mengiktiraf kemudaratan fizikal dan psikologi akibat amalan tersebut. Rasulullah sendiri tidak mengkhatankan ahli keluarganya. Di Malaysia, seperti juga di beberapa negara Asia yang lain, prosedur ini sering dilakukan oleh petugas kesihatan profesional tanpa latihan rasmi dan tanpa garis panduan klinikal. Perkara yang paling penting adalah mereka tidak sedar bahawa FGM/C bukanlah satu prosedur perubatan, dan tidak memberi manfaat.

Amatlah penting untuk menekankan bahawa FGM/C adalah suatu pelanggaran hak asasi manusia, terutamanya hak kanak-kanak perempuan yang masih terlalu muda dan tidak mampu memberikan persetujuan. Amalan ini melibatkan kecederaan atau pemotongan sebahagian daripada tisu badan yang sihat tanpa tujuan perubatan. Pelbagai pihak berkepentingan perlu turut serta untuk menghentikan amalan yang memudaratkan ini, termasuklah petugas kesihatan profesional, bidan tradisional, para ulama, pembuat dasar, masyarakat sivil, ibu bapa dan ahli keluarga.

APAKAH ITU FEMALE GENITAL MUTILATION/CUTTING?


Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mendefinisikan FGM/C (*Female Genital Mutilation/Cutting*) atau khatan perempuan sebagai prosedur tanpa tujuan perubatan yang melibatkan pemotongan sebahagian atau keseluruhan bahagian luar genitalia perempuan, atau prosedur yang menyebabkan kecederaan pada organ genitalia perempuan.

RAJAH 1: KLASIFIKASI WHO TATACARA AMALAN FGM/C




JENIS 1: KLITORIDEKTOMI

Pembuangan sebahagian atau seluruh klitoris (kelentit) termasuklah preputium (kulit di sekitar klitoris).




JENIS 2: EKSISI

Pembuangan sebahagian atau seluruh klitoris dan labia minora (bibir dalam vagina) dengan atau tanpa membuang labia majora (bibir luar faraj).



JENIS 3: INFIBULASI

Penyempitan lubang faraj dengan memotong dan menjahit labia minora (bibir dalam faraj) dan/atau labia majora (bibir luar faraj) sehingga bertemu. Prosedur ini dilakukan sama ada dengan memotong atau tidak memotong klitoris).



JENIS 4: TINDAKAN LAIN YANG MEROSAKKAN GENITALIA PEREMPUAN TANPA TUJUAN PERUBATAN

Segala jenis tindakan lain yang merosakkan genitalia perempuan tanpa tujuan perubatan seperti menusuk, menindik, menyayat, menggores atau meregangkan genitalia perempuan.

REALITI KHATAN PEREMPUAN DI MALAYSIA

Pada tahun 2011, suatu kajian tentang khatan perempuan telah dilakukan oleh Dr Maznah Dahlui dari Fakulti Perubatan Universiti Malaya bersama WHO dan Dana Penduduk Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (the United Nations Population Fund, UNFPA). Dapatan kajian menunjukkan bahawa lebih daripada 93% perempuan Melayu dan Islam di Malaysia mengamalkan FGM/C atau salah satu jenis FGM/C.


Kanak-kanak perempuan biasanya dikhatankan oleh ahli keluarga pada waktu baru dilahirkan sehingga selewat-lewatnya apabila mereka mencapai usia pra-sekolah. Peratusan kanak-kanak berusia kurang dari 1 tahun yang telah menjalani prosedur khatan adalah sebanyak 85%.

Sehingga kini, tiada garis panduan yang jelas daripada Kementerian Kesihatan Malaysia mengenai piawaian tatacara pengendalian khatan perempuan. Pada tahun 2012, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pernah bercadang untuk mengklasifikasikan khatan perempuan sebagai sebahagian daripada amalan perubatan dengan mewujudkan garis panduan yang boleh diterima di premis kesihatan awam. Cadangan ini telah menimbulkan perdebatan dan tidak diteruskan kerana bertentangan dengan saranan WHO.

Kajian Dr. Maznah Dahlui mendapati bahawa 50% daripada prosedur khatan perempuan ini dilakukan di rumah masing-masing, diikuti 22% di klinik, manakala 21% dilakukan di rumah pengamal lain. Perkara ini selari dengan peratusan pengamal khatan perempuan yang majoritinya (70%) terdiri daripada mak bidan, diikuti oleh doktor, jururawat dan ahli keluarga sendiri (ibu, nenek dan guru).

Disebabkan ramai ibu bapa sedar dan memandang serius faktor kebersihan, mereka lebih gemar bayi perempuan mereka dikhatankan di klinik atau hospital swasta kerana peralatan yang digunakan di klinik dan hospital disterilkan dan bersih. Hal ini berbeza dengan pengamal tradisional seperti mak bidan yang hanya mencuci tetapi tidak mensterilkan peralatan yang digunakan, seperti pisau lipat, gunting kecil dan jarum.

RAJAH 2: ALASAN MENGAPA KHATAN PEREMPUAN DILAKUKAN?



Mengikut dapatan kajian, komplikasi amalan khatan perempuan yang direkodkan berbeza-beza, namun tiada komplikasi jangka panjang yang dilaporkan. Namun, ramai orang mendakwa bahawa terdapat sebilangan bayi dan kanak-kanak perempuan yang mengalami komplikasi sebaik sahaja dikhatankan, seperti mengalami kesakitan sementara, pendarahan kecil dalam bentuk tompokan darah dan juga kesakitan ketika membuang air kecil.

Secara realitinya, Malaysia masih kurang data rasmi berkala atau intensif mengenai khatan perempuan di peringkat kebangsaan. Data rasmi ini diperlukan agar memberi gambaran yang lebih jelas tentang masyarakat Malaysia.

JADI...APA KATA ORANG RAMAI MENGENAI KHATAN PEREMPUAN?

Pada tahun 2021, Sisters in Islam (SIS) bersama Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya (UM) telah menjalankan suatu kajian tentang pandangan orang ramai mengenai khatan perempuan. Dapatan kajian ini telah diterbitkan di dalam buku, *Perceptions Towards Female Circumcision in Malaysia*.¹ Kajian yang dilakukan pada September 2020 berjaya mendapat sebanyak 107 respons melalui soal selidik (*questionnaire*) dan perbincangan kumpulan berfokus (*focus group discussion*, FGD).

Antara persoalan lain yang muncul mengenai amalan khatan perempuan adalah adat dan tradisi. Khatan perempuan dianggap sebagai adat orang Melayu Islam yang diamalkan sejak turun-temurun. Hal ini dapat dilihat terutamanya di dalam lingkungan keluarga, iaitu ibu dan/atau ibu mentua biasanya akan bertanya sama ada bayi perempuan telah dikhatankan. Ibu bapa yang tidak mengkhatankan anak perempuan berkemungkinan besar akan mendapat kritikan oleh orang tua-tua.

RAJAH 3: JAWAPAN YANG DIBERIKAN OLEH RESPONDEN MENGENAI 'KEBERSIHAN'

"Yang kita ingat anak perempuan mesti kena sunat masa kecil supaya nanti apa dia kata perempuan tu nanti ada bersih."

"Dia kata kalau Islam tu, dia lebih pentingkan kebersihan."

"Salah satunya adalah kebersihan...yang keduanya adalah mengawal nafsu bagi perempuan tu sendiri."

"I tanyalah macam...why...perempuan kena sunat... my mum did say something to do with religion and something to do with...hygiene."

RAJAH 4: JAWAPAN YANG DIBERIKAN OLEH RESPONDEN MENGENAI 'ADAT DAN TRADISI'

"Biasanya, kita akan ikut apa yang orang buat dulu...kita akan ikut the old ones buat."

"Macam research... saya tak ada buat research... saya just, orang kata, go with the flow lah... ramai yang buat, saya pun buat, macam itu je."

"Saya sebab diuruskan oleh belah mertua, dia orang control semua."

"I think most families akan tanya juga and then we will do it anyway."

"Kalau dia kata wajib, tapi kan ada setengah orang yang macam dia, diri sihat dan dia tak buat. Bila budak tu besar nanti, "Oh, kau tak sunat."

"Everything yang kita buat ada kita punya consequences, so on my view... I think I will still go for the circumcision lah...if it's not me, it's going to be my mum or my sisters or my mother-in-law or my aunties will be asking, because to them, it's a concern."

KHATAN PEREMPUAN: BUDAYA ATAU AGAMA?²

Kebanyakan orang menganggap bahawa khatan perempuan merupakan perintah agama. Di Malaysia, terdapat perbezaan dari segi fatwa di antara negeri seperti yang tertera di bawah:

JADUAL 1: FATWA MENGENAI KHATAN PEREMPUAN MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA

NO.	NEGERI	FATWA
1	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM, 2009)	Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa hukum berkhatan bagi perempuan adalah wajib. Walau bagaimanapun, sekiranya ia boleh membawa kemudaratkan kepada diri, maka ia perlu dielakkan.
2	Perlis (2017)	Adapun khatan bayi perempuan yang dilakukan oleh sebahagian masyarakat tanpa merujuk keperluannya kepada pakar merupakan amalan yang tidak mempunyai apa-apa asas dalil syarak, bahkan mungkin mendedahkan bayi kepada kemudaratkan jika dilakukan dengan cara yang salah. Andaian bahawasanya rangsangan seks berlebihan pada perempuan disebabkan tidak berkhatan adalah tidak memiliki apa-apa alasan yang kukuh.
3	Wilayah Persekutuan (2016)	Kami mentarjihkan pendapat bahawa wajib hukumnya berkhatan bagi lelaki dan perempuan.
4	Negeri Sembilan (2012)	Muzakarah setuju memutuskan bahawa hukum khatan perempuan adalah wajib.
5	Johor (2012)	Harus jika dilaksanakan oleh pengamal perubatan yang bertauliah dan terlatih.
6	Kedah	Wajib
7	Selangor	Wajib
8	Sarawak	Menurut sebahagian ulama', hukum berkhatan bagi anak Perempuan adalah sunat.
9	Sabah	Harus

Menurut jadual yang diberikan, majoriti fatwa di Malaysia telah mewajibkan amalan khatan perempuan. Namun begitu, perkara ini amat berbeza sekali dengan negara-negara Islam seperti Mesir dan Indonesia yang telah mengharamkan khatan perempuan.

Pada November 2022, Kongress Ulama Perempuan Indonesia (KUPI)3 telah mengeluarkan fatwa untuk melindungi perempuan daripada bahaya khatan perempuan tanpa alasan perubatan. Fatwa KUPI menyatakan:

1. Hukum melakukan tindakan pemotongan dan/ atau pelukaan genitalia perempuan (P2GP) tanpa alasan perubatan adalah haram;
2. Semua pihak bertanggungjawab untuk mencegah pemotongan dan/atau pelukaan genitalia perempuan (P2GP) tanpa alasan perubatan, terutamanya individu, orang tua, keluarga, masyarakat, tokoh adat, tokoh agama, bidan, pengusaha, tenaga kesihatan, kerajaan dan negara;
3. Hukum menggunakan autoriti atau kuasa sebagai tokoh agama, tokoh adat, doktor perubatan dan keluarga dalam melindungi perempuan daripada bahaya adalah perlu. Tindakan pemotongan dan/ atau pelukaan genitalia perempuan (P2GP) tanpa alasan perubatan adalah haram.

Bagi pendapat ulama pula, penetapan hukum khatan perempuan berbeza kerana dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Untuk keterangan lanjut mengenai pendapat ulama-ulama zaman klasik dan moden berserta fatwa mereka, sila rujuk kepada *Buku Khatan Perempuan: Amalan Budaya atau Agama?*² Terbitan Sisters in Islam.

Tiada dalil di dalam Al-Quran mengenai amalan khatan perempuan. Satu-satunya rujukan bagi amalan ini adalah daripada hadis. Hanya hadis jenis *marfu'* dibahaskan, berdasarkan kaedah bahawa sesuatu penetapan hukum berunsur perintah seperti 'wajib' dan 'sunnat' hanya dapat diambil daripada hadis jenis ini.

Kemudian, hadis dinilai melalui status perawinya dan seterusnya kandungan hadis tersebut.

Al-Syaukani, seorang sarjana Islam dalam bidang fiqh dan teologi mengatakan bahawa tiada rekod mana-mana ahli keluarga perempuan (anak atau isteri) dalam keluarga Nabi Muhammad s.a.w telah melalui prosedur khatan. Jika benar prosedur ini merupakan tuntutan agama dan amalan sunat dalam Islam, sudah tentu ahli keluarga perempuan baginda melakukannya sebagai bukti amalan khatan perempuan diperintah dalam Islam.

Selain itu, seorang sarjana Islam moden, Dr. Mohammad Salim Al-Awwa mengatakan sejumlah ulama Islam seperti Imam Al-Iraqi, As-Syaukani, Sayyid Sabiq, Dr. Yusuf al-Qaradhawi dan ramai lagi menolak kesahihan hadis yang dikaitkan dengan amalan khatan perempuan.

Amalan khatan perempuan ini juga ditolak oleh cendekiawan terkemuka tempatan, Prof. Mohammad Hashim Kamali, yang menyatakan amalan ini ditolak oleh ulama Islam kerana lebih banyak mendatangkan mudarat. Dato' Ismail Yahya, bekas Mufti Terengganu, juga mempertikaikan amalan khatan perempuan. Menurutnya, tiada satu pun teks agama yang menyokong amalan ini.



MEDIKALISASI FGM/C DI ASIA

“Medikalisasi” bermaksud penglibatan petugas kesihatan profesional dalam sesuatu prosedur, walaupun prosedur tersebut tidak diajar di sekolah perubatan atau kursus perubatan/kesihatan. Medikalisasi FGM/C bererti prosedur pelukaan/pemotongan tersebut dilakukan oleh petugas kesihatan profesional sama ada di klinik, hospital, rumah ataupun tempat-tempat lain.⁴

Tiada latihan formal bagi prosedur mengkhitan perempuan. Lazimnya, dalam masyarakat yang mengamalkan FGM/C, prosedur ini hanya diajar oleh petugas perubatan yang lebih senior yang mempunyai pengalaman dalam amalan FGM/C kepada rakan sekerja yang lebih junior.

FGM/C lazimnya dilakukan pada bayi perempuan atau selewat-lewatnya sebelum seseorang kanak-kanak perempuan itu mencapai usia 9 tahun. Oleh itu, kanak-kanak perempuan ini belum lagi mampu untuk memberikan persetujuan bagi menjalani prosedur ini. Disebabkan prosedur ini tidak mendatangkan sebarang manfaat perubatan, sudah tentulah tidak sesuai juga untuk mendapatkan persetujuan ibu bapa bagi pihak kanak-kanak tersebut.

Medikalisasi prosedur FGM/C berlaku akibat permintaan yang semakin meningkat daripada ibu bapa yang menyedari bahawa komplikasi atau kemudharatan mungkin timbul sekiranya prosedur tersebut dilakukan oleh bidan-bidan tradisional yang menggunakan peralatan yang tidak bersih.⁴⁻⁷ Faktor-faktor seperti keinginan untuk mencegah kemudharatan, suruhan agama, dan faktor kewangan (walaupun faktor kewangan bukanlah merupakan motivasi utama)⁴⁻⁷ adalah antara beberapa sebab mengapa petugas perubatan sanggup melakukan prosedur FGM/C.

Medikalisasi FGM/C berlaku di Malaysia,⁵ India,⁸ Indonesia,⁹ Singapura,¹⁰ dan berkemungkinan juga di negara Brunei. Kajian yang telah dilakukan di Malaysia⁵ dan Indonesia menunjukkan suatu trend meningkat ke arah mengamalkan kaedah FGM/C yang lebih memudaratkan meskipun pada tahun 2014⁹ dikeluarkan arahan yang melarang petugas kesihatan daripada melakukan khatan perempuan.⁹

Jenis FGM/C yang dilakukan oleh 20.5% doktor Muslim di Malaysia ialah khatan Jenis 4, iaitu penusukan hud (kulit luar) dan kelenjar klitoris. Terdapat juga doktor yang mengaku memotong sebahagian kecil klitoris (Jenis 1),⁵ iaitu sejenis amalan yang tidak pernah dilakukan oleh bidan-bidan tradisional sebelum ini. Di Indonesia,⁹ FGM/C biasanya dilakukan oleh jururawat menggunakan gunting, sementara bidan tradisional akan menggunakan pisau lipat untuk memotong atau menggosok bahagian alat kelamin.

Adakah perlu untuk mewujudkan panduan klinikal untuk prosedur FGM/C yang selamat? Jawapannya “tidak”, kerana FGM/C bukanlah prosedur perubatan. Malahan, prosedur ini tidak memberikan sebarang manfaat dari sudut perubatan. Ketiadaan kemudharatan tidak boleh disamakan dengan manfaat (untuk memahami kemungkinan kemudharatan dari FGM/C—sila rujuk dokumen untuk pakar perubatan oleh Malaysian Doctors for Women & Children dan ARROW).¹³ Oleh itu, prosedur ini tidak patut diamalkan oleh petugas kesihatan profesional.

Perbincangan tentang amalan FGM/C diharap dapat membantu petugas perubatan menilai semula prosedur medikalisasi FGM/C di samping dapat memberikan sedikit pengetahuan kepada para ibu bapa untuk tidak melakukannya.




FGM/C IALAH PELANGGARAN HAK ASASI MANUSIA

Kebanyakan petugas perubatan di Malaysia yang mengamalkan FGM/C tidak sedar tentang konvensyen antarabangsa berkaitan prosedur ini.⁵ Amatlah penting untuk memberitahu petugas perubatan bahawa FGM/C ialah suatu pelanggaran hak asasi manusia kerana melibatkan kecederaan atau pembuangan sebahagian tisu badan yang sihat tanpa wujudnya keperluan dari segi perubatan. Perkara ini melanggar hak asasi manusia terhadap kesihatan dan integriti fizikal (Perkara 25 dalam Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat, UDHR).

Memandangkan FGM/C biasanya melibatkan kanak-kanak perempuan yang belum cukup umur untuk memberi persetujuan, hal ini merupakan pelanggaran terhadap Konvensyen Hak Kanak-Kanak. FGM/C juga merupakan satu bentuk keganasan berasaskan gender yang boleh disifatkan sebagai pelanggaran terhadap Konvensyen PBB Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW).¹⁴ CEDAW melarang amalan FGM/C serta amalan berbahaya yang lain terhadap perempuan. Sebanyak 187 buah negara (90% daripada jumlah negara ahli PBB) telah meratifikasi atau menerima CEDAW, termasuk semua negara Asia kecuali Iran.

Idea bahawa hak asasi manusia adalah ciptaan Barat tanpa sumbangan yang signifikan daripada negara-negara bukan Barat hanyalah suatu mitos. Wanita Asia turut terlibat dalam membentuk Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR).

Dua orang Wanita Asia yang terlibat dalam pembentukan deklarasi tersebut ialah Hansa Mehta dari India¹⁵ dan Begum Shaista Ikramullah dari Pakistan.¹⁵



USAHA-USAHA UNTUK MENGHAPUSKAN FGM/C BUKAN AGENDA BARAT

Malangnya, misogini atau penindasan terhadap perempuan masih berlaku di seluruh dunia tanpa mengira budaya atau tradisi. FGM/C adalah masalah global. Sebenarnya, pembuangan klitoris pernah disarankan oleh doktor-doktor British pada zaman Queen Victoria di Britain untuk perempuan yang mengalami pelbagai masalah termasuklah “histeria,” masturbasi berlebihan, dan kelakuan yang dianggap di luar kebiasaan.¹⁷

Tiada ibu bapa yang mempunyai niat untuk menyakiti anak-anak perempuan mereka dengan sengaja melalui amalan FGM/C, walaupun hakikat ini mungkin sukar dipercayai oleh orang yang tidak mempraktikkan amalan ini. Hakikatnya, amalan FGM/C dilakukan bagi meraikan kelahiran anak perempuan atau sebagai istiadat tradisi untuk menandakan peralihan dari zaman kanak-kanak kepada zaman dewasa.¹⁸ Walaupun demikian, tradisi seperti ini tidak boleh dijadikan justifikasi untuk meneruskan amalan FGM/C.



KESIMPULAN

FGM/C telah diputuskan sebagai salah satu amalan yang memudaratkan, termasuklah melalui perjanjian antarabangsa yang Malaysia telah ratifikasi iaitu Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) dan Konvensyen Hak Kanak-kanak (CRC), serta menghentikan amalan ini menjadi sasaran khusus kepada Matlamat Pembangunan Mampan 5 (SDG 5): mencapai kesaksamaan gender dan memperkasakan perempuan dan kanak-kanak perempuan.

Untuk menghentikan amalan memudaratkan ini, pelbagai pihak berkepentingan perlu mengambil bahagian, termasuk petugas kesihatan profesional, bidan tradisional, ulamak, pembuat dasar, masyarakat sivil, ibu bapa dan ahli keluarga.

Kami menggesa semua pihak berkepentingan untuk mengutamakan pendekatan silang pelbagai faktor, dan hak asasi manusia untuk menghentikan amalan FGM/C, termasuklah khatan perempuan yang diamalkan di Malaysia.

RUJUKAN

- 1 Perceptions Towards Female Circumcision in Malaysia. <https://sistersinislam.org/wp-content/uploads/2023/03/Perceptions-Towards-Female-Circumcision-In-Malaysia.pdf>.
- 2 Buku Khatan Perempuan: Amalan Budaya atau Agama? https://sistersinislam.org/wp-content/uploads/2023/09/SIS_khatanperempuan_Final.pdf.
- 3 Hasil Musyawarah Keagamaan Kongres Ulama Perempuan Indonesia (KUPI) kedua di PP. Hasyim Asy'ari Bangsri Jepara pada 26 November mengenai khatan perempuan: Perlindungan Perempuan dari Bahaya P2GP Tanpa Alasan Medis.
- 4 World Health Organization. Global strategy to stop health-care providers from performing female genital mutilation. Geneva: WHO, in partnership with FIGO, ICN, MWIA. Published online 2010:27. http://www.who.int/reproductivehealth/publications/fgm/rhr_10_9/en/.
- 5 Rashid A, Iguchi Y, Afiqah SN. Medicalization of female genital cutting in Malaysia: A mixed methods study. *PLoS Med*. 2020;17(10):e1003303.
- 6 Doucet MH, Pallitto C, Groleau D. Understanding the motivations of health-care providers in performing female genital mutilation: an integrative review of the literature. *Reprod Health*. 2017;14(1):46. doi:10.1186/s12978-017-0306-5.
- 7 Kimani S, Shell-Duncan B. Medicalized Female Genital Mutilation/Cutting: Contentious Practices and Persistent Debates. *Curr Sex Health Rep*. 2018;10(1):25-34. doi:10.1007/s11930-018-0140-y.
- 8 Khan A, Suaheha SS, Jafarey A. Demystifying the practice of khafd in the Dawoodi Bohra community: A commentary on the WeSpeakOut report from India. *Indian Journal of Medical Ethics*; Vol 4, No 1 (NS) (2019): *Learning not to repeat the past*. Published online September 28, 2018. <https://ijme.in/articles/demystifying-the-practice-of-khafd-in-the-dawoodi-bohra-community-a-commentary-on-the-wespeakout-report-from-india/>.
- 9 Budiharsana M. Female genital cutting common in Indonesia, offered as part of child delivery by birth clinics. The Conversation. Published 2016. Accessed August 14, 2022. <https://theconversation.com/female-genital-cutting-common-in-indonesia-offered-as-part-of-child-delivery-by-birth-clinics-54379>.
- 10 Marranci G. Female circumcision in multicultural Singapore: The hidden cut. *Aust J Anthropol*. 2015;26(2):276-292. doi:<https://doi.org/10.1111/taja.12070>.
- 11 Abdulkadir J, Irion O, de Tejada BM. Female genital mutilation/cutting type IV in Cambodia: a case report. *Clin Case Rep*. 2015;3(12):979-982. doi:10.1002/ccr3.403.
- 12 Gillon R. Medical Ethics: Four principles plus attention to scope. *BMJ*. 1994;309(6948):184-188. doi:10.1136/bmj.309.6948.184.
- 13 Malaysian Doctors for Women & Children & ARROW. Empowering Healthcare Professionals: Unveiling the Harms of Female Circumcision in Malaysia. Published 2023. <https://arrow.org.my/publication/empowering-healthcare-professionals-unveiling-the-harms-of-female-circumcision-in-malaysia/>.
- 14 UNICEF. Female genital mutilation (FGM). Published 2020. <https://data.unicef.org/topic/child-protection/female-genital-mutilation/>.
- 15 Office of the United Nations High Commissioner for Human Rights. The role of women in shaping the Universal Declaration of Human Rights. Published 2018. Accessed August 15, 2022. <https://www.ohchr.org/en/stories/2018/03/role-women-shaping-universal-declaration-human-rights>.
- 16 Jain D. *Women, Development, and the UN: A Sixty-Year Quest for Equality and Justice*. Bloomington. Indiana University Press; 2005.
- 17 Black J. Female genital mutilation: A contemporary issue, and a Victorian obsession. *J R Soc Med*. 1997;90(7):402-405. doi:10.1177/014107689709000712.
- 18 Calsalin SA. Female circumcision among Yakan in Basilan, Philippines. Ateneo de Zamboanga University-School of Medicine (ADZU-SOM) Health Research Database. Published 2008. Accessed August 14, 2022. <http://som.adzu.edu.ph/research/abstract.php?id=590>.



endfgmcasia.org

[@endfgmcasia](https://twitter.com/endfgmcasia)

This publication was produced as part of a grant by the Canada Fund for Local Initiatives (CFLI).

*Kit ini diterbitkan dengan bantuan dana oleh
Canada Fund for Local Initiatives.*



In **partnership** with
Canada 